



MOHD. Harun Abdullah (tiga dari kanan) menyampaikan bantuan kepada mangsa kebakaran Kampung Numbak di Dewan Masyarakat Pekan Menggatal, Sabah, baru-baru ini.

Universiti Malaysia Sabah bantu mangsa kebakaran

UM 9.10.13 30

SEPANGGAR 8 Okt. - Kesusahan yang dialami oleh sebilangan penduduk Kampung Numbak, Sepanggar berikutan tragedi kebakaran awal bulan ini sedikit terubat apabila menerima sumbangan dan bantuan daripada warga Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini.

Sumbangan tersebut disampaikan oleh **Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah** di penempatan sementara mangsa kebakaran di Dewan Masyarakat Pekan Menggatal.

Mohd. Haron berkata, bantuan berkenaan diharap mampu meredakan beban mangsa kebakaran yang kehilangan harta benda akibat kebakaran tersebut.

"UMS prihatin terhadap musibah

yang menimpa penduduk di kampung itu dan kami memulakan usaha mengumpul barang-barang keperluan melalui inisiatif Bahagian Media Jabatan Canselori sejak beberapa hari lalu," katanya ketika ditemui dalam majlis penyampaian sumbangan itu.

Beliau berkata, sumbangan makanan, pakaian, sejadah dan barangan keperluan bayi itu merupakan pemberian ikhlas yang melibatkan kakitangan dan pelajar di Universiti Eko Kampus itu.

"Sebagai makluman, kita di UMS bukan sahaja menjalankan kegiatan akademik semata-mata, tetapi turut menjalankan tanggung jawab sosial melalui program bantuan khidmat masyarakat seperti yang dijalankan

pada hari ini," ujarnya.

Sementara itu salah seorang mangsa, **Habil Nasirul**, 40, menjelaskan beliau sekeluarga amat menghargai keprihatinan UMS terhadap mangsa kebakaran kampung itu.

Jelasnya, bantuan itu amat diperlukan pada ketika ini memandangkan mangsa tragedi yang terdiri daripada 74 keluarga kini tinggal sehelai sepinggang.

"Kami amat mengalu-alukan agensi-agensi kerajaan mahupun pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk tampil memberi bantuan berupa pakaian, beras dan sebagainya bagi keperluan para penduduk di penempatan sementara ini," katanya.